

Newspaper	HARIAN METRO
Date	11/5/2012

Harian Metro

Hmetro / 11 mei 2012

Dr M terima Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif

KUANTAN: Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) atas sumbangan dan usaha berterusan beliau dalam pembangunan industri automotif negara.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, penganugerahan itu bakal disempurnakan Canselor UMP, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dalam Majlis Konvokesyen Khas UMP yang akan berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang, 17 Mei ini.

Menurutnya, kejuruteraan automotif antara bidang kebitaraan universiti itu dan penganugerahan ijazah kehormat berkenaan lebih bermakna kerana UMP turut meraikan sambutan ulang tahun ke-10 penubuhannya sebagai universiti teknikal.

Beliau berkata, penganugerahan itu sebagai tanda penghargaan kepada bekas Perdana Menteri itu atas komitmen beliau sebagai penggerak kepada industri permotoran di negara ini terutamanya melahirkan kereta nasional, Proton Saga sejak 1985 sehingga kini menjadi kebanggaan rakyat.

“Wawasan dan pandangan jauh beliau terhadap potensi besar industri automotif sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi menyaksikan ramai anak tempatan Malaysia berkepakaran dan berkemahiran tinggi dalam bidang kejuruteraan automotif.

“Penganugerahan ijazah kehormat ini bertepatan dengan sumbangan dilakukan Dr Mahathir dalam pembangunan industri automotif negara dan amat bertepatan, sekali gus UMP mengiktiraf beliau sebagai Bapa Automotif Malaysia,” katanya dalam kenyataan media yang dikeluarkan di sini, semalam.